

### Pengambilan Sampel Darah Burung

#### Waspada:

Sekiranya anda tidak berpengalaman menangani burung, kami mengesyorkan agar sampel diambil oleh pengendali burung yang berpengalaman atau doktor haiwan. Langkah berjaga-jaga ini adalah untuk keselamatan anda dan burung anda.

#### Bahan

- i) Pemotong kuku
  - ✓ Bersihkan pemotong kuku dengan swab alkohol
  - ✓ Basuh tangan anda sebelum mengambil sampel untuk burung yang seterusnya.
- ii) Serbuk koagulasi (cth: bedak bayi, serbuk kanji atau serbuk koagulasi yang sesuai untuk burung)
  - ✓ Untuk menghentikan pendarahan dari kuku burung
- iii) Swab alkohol
  - ✓ Untuk pembersihan pemotong kuku dan kuku burung
- iv) Isi dan hantar borang atas talian (untuk pelanggan dari Malaysia).
- v) Sampul surat / Beg Ziplock
  - ✓ 1 burung sampel dalam 1 sampul surat atau 1 beg ziplock sahaja.

#### Kaedah pengambilan sampel

1. Isikan butiran pada Borang Atas Talian. Kemudian, label sampul surat / beg ziplock dengan:
  - a. Nama Pemilik
  - b. Nama Sampel Burung/ ID Gelang
  - c. Spesies Burung
2. Bersihkan kuku burung dengan swab alkohol.
3. Pastikan burung dipegang dengan rapi. Potong kuku burung (rujuk Gambar 1 (b)) untuk mendapatkan sampel darah.
4. Jika darah tidak dilihat selepas potongan, tekan perlahan-lahan bahagian kuku yang dipotong untuk mengeluarkan darah.
5. Titik 1 - 3 titisan darah pada kertas A4 yang kering.
6. Biarkan darah kering selama 1 jam di tempat yang bersih.
7. Pastikan bahagian kuku burung tidak lagi berdarah sebelum ia dipulangkan semula ke dalam sangkar. Anda juga boleh hentikan pendarahan kuku burung dengan menggunakan serbuk koagulasi.
8. Masukkan potongan kertas yang mengandungi darah sampel yang kering ke dalam sampul surat/ beg ziplock yang telah disediakan.

**NOTA:** *Jangan gabung sampel berlainan jenis burung dalam sampul surat/beg ziplock yang sama.*

*1 burung sampel dalam 1 sampul surat atau 1 beg ziplock setiap masa.*

9. Sila hantar sampel-sampel yang disediakan ke alamat berikut:

**APICAL SCIENTIFIC SDN. BHD.**

Lot 7-1 to 7-4, Jalan SP 2/7,  
Taman Serdang Perdana, Seksyen 2,  
43300 Seri Kembangan, Selangor, Malaysia.  
**Attn: MBS-5008**

